

# Pensyarah UPI kunjungi Pengarah UMSKAL

UB 18.4.2013 A6

LABUAN: Pensyarah Universiti Pendidikan Indonesia (UPI) Bandung telah mengunjungi Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di Bilik Mesyuarat Eksekutif Tingkat 13, Bangunan Menara, kelmarin.

Andi Suwirta yang juga Pengetua Asosian Sarjana Pendidikan Sejarah Indonesia (Aspensi) mengadakan perbincangan dua hala dengan Prof Madya Dr Ismail Ali.

Ismail berkata kedua-dua pihak membincangkan perkongsian penerbitan jurnal dan buku serta kerjasama hal-hal penyelidikan di UPI dan UMSKAL.

Katanya, ia membuka ruang dan peluang kepada pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) serta Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) untuk menerbitkan karya di peringkat antarabangsa.

"Pensyarah SPKAL dan SSIL kini berpeluang

menerbitkan karya yang bertaraf antarabangsa untuk diterbitkan di jurnal dan buku di Indonesia," katanya.

Turut hadir Dekan SSIL,

Dr Ag Asri Ag Ibrahim, kedua-dua Timbalan Dekan SPKAL, Dr Lee Hock Ann dan Rushdan Yasoa serta Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad

Tuah.

Hadir sama Bendahari Aspensi, Sri R Rosdianti, Ketua Unit Perhubungan Korporat, Dr Harvey Tanakinjal, Penolong

Pendaftar Kanan, Sharifah Ismail, Pustakawan, Dg Ruhida Raflee dan Penolong Akautan Kanan, Ruby Zawati Timbang serta pensyarah PPIB, Nordin Moin.



**ISMAIL (kiri)** menyampaikan cenderamata kepada Andi diperhatikan pegawai kanan UMS Kampus Antarabangsa Labuan.